

15/06/1998

Penduduk Penchala rayu PM

Magendran Rajagopal

KUALA LUMPUR, Ahad - Jawatankuasa Penduduk Zon Sungai Penchala akan merayu kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebagai langkah terakhir mempertahankan tanah milik mereka yang akan diambil untuk projek Penchala Link.

Pengerusinya, Datuk Mohd Nor Yusuf, berkata semua penduduk serta pemilik tanah sudah bertekad menentang keputusan yang dibuat Kabinet pada 27 Mei lalu untuk meneruskan projek lebuh raya berkenaan.

"Secara umumnya, semua penduduk kampung tetap membantah pembinaan projek itu kerana laluan lebuh raya berkenaan merentasi hampir 38 hektar tanah rizab Melayu yang akan diambil alih berdasarkan pelan yang diberi.

"Kami sudah mencuba pelbagai saluran untuk mendapatkan keadilan, tetapi rayuan kami tidak diendahkan, malah pendapat jawatankuasa tidak diminta sebelum sebarang keputusan diambil.

"Kami tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang jika tertekan dan terpaksa," katanya ketika diminta menjelaskan bentuk tindakan yang bakal diambil jawatankuasa berkenaan jika keputusan rayuan tidak memihak kepada penduduk.

Beliau berkata demikian ketika ditemui di majlis perjumpaan antara penduduk dan pemilik tanah bagi meminta pihak terbabit, termasuk pemegang konsesi dan kerajaan mempertimbangkan semula laluan Penchala Link yang dianggap menimbulkan masalah kepada mereka.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu dan wakil syarikat konsesi Sistem Penyuraian Trafik Kuala Lumpur Barat Sdn Bhd (Sprint) serta Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) turut diundang manghadiri mesyuarat.

Bagaimanapun, semua pihak berkenaan tidak menghadirkan diri dan memberi alasan bahawa keputusan Kabinet adalah muktamad dan mereka tidak berkuasa untuk membuat sebarang komitmen atau bertindak sebaliknya.

Sehubungan itu, Noor Azam yakin hanya Dr Mahathir yang mampu merumuskan penyelesaian yang adil dengan mengambil kira rintihan penduduk Sungai Penchala.

(END)